



KENYATAAN MEDIA
27 JUN 2022

Tarif Elektrik Bagi Pengguna di Semenanjung Malaysia Kekal

PUTRAJAYA, 27 Jun – Kerajaan pada 24 Jun 2022 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) bagi pengguna di Semenanjung untuk tempoh 1 Julai 2022 hingga 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

- (i) semua pengguna domestik (kediaman) tidak akan mengalami sebarang kenaikan bil elektrik kerana rebat 2.00 sen/kWj dikekalkan dan tiada sebarang surcaj dikenakan; dan
- (ii) semua pengguna bukan domestik seperti komersial dan industri tidak akan mengalami sebarang kenaikan bil elektrik kerana surcaj 3.70 sen/kWj dikekalkan.

Bagi tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022, berlaku peningkatan dalam kos bahan api dan kos penjanaan lain sebanyak RM7.0 bilion atau bersamaan dengan surcaj ICPT pada kadar 11.81 sen/kWj. Ia ekoran daripada kenaikan harga arang batu yang tinggi di pasaran dunia sehingga mencecah USD265 per tan berbanding dengan kadar USD79 per tan yang diunjurkan dalam kadar tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB). Di antara sebab kenaikan harga arang batu tersebut adalah berikutan dengan krisis global yang berlaku dan kekangan bekalan arang batu dunia.

Dengan mengekalkan pemberian rebat semasa dan tanggungan kos surcaj ICPT sepenuhnya kepada semua pengguna domestik, Kerajaan memperuntukkan dana sebanyak RM2.3 bilion untuk menanggung kos tersebut. Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan sejumlah RM3.5 bilion untuk memastikan surcaj ICPT semasa dikekalkan kepada semua pengguna bukan domestik seperti komersial dan industri

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

daripada dikenakan keseluruhan surcaj yang sepatutnya pada 11.81 sen/kWj. Ini menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan pemberian rebat dan kos surcaj ICPT yang ditanggung oleh Kerajaan adalah sebanyak RM 5.8 bilion.

Di bawah mekanisme ICPT, kos bahan api dan kos penjanaan elektrik akan disemak setiap enam (6) bulan dan dilepaskan kepada pengguna elektrik dalam bentuk rebat atau surcaj bergantung kepada penjimatan atau peningkatan kos yang terlibat. Lebih 80% daripada elektrik yang dijana di Malaysia menggunakan arang batu dan gas. Harga arang batu yang menjadi salah satu bahan utama untuk menjana elektrik telah meningkat dengan sangat ketara, menyebabkan kos penjanaan elektrik meningkat sebanyak 33%. Ini memberi impak yang besar kepada tarif elektrik di Semenanjung kerana 49% sumber penjanaan adalah arang batu. Peningkatan harga bahan api arang batu adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia adalah berasaskan harga pasaran global. Sektor penjanaan tenaga elektrik mengalami tekanan bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia berikutan peningkatan kos bahan api ini.

Sebagai langkah untuk meminimumkan kos bil elektrik, para pengguna elektrik di Semenanjung digalakkan untuk memanfaatkan Program *Net Energy Metering (NEM)*. Selain itu, pengguna turut digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah menggunakan elektrik dengan cekap. Terdapat pelbagai cara mudah yang boleh dilakukan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, antaranya adalah:

- (i) Melaksanakan audit penggunaan tenaga dengan cara memantau dan menganalisa penggunaan tenaga elektrik serta mengenal pasti peralatan, proses dan sistem yang boleh ditambah baik.
- (ii) Membeli peralatan elektrik yang mempunyai penarafan 5-Bintang yang memberikan lebih banyak penjimatan tenaga elektrik. Buat masa ini, pengguna boleh menebus e-rebat bernilai sehingga RM400 bagi pembelian peralatan elektrik cekap tenaga berlabel 4 atau 5 Bintang. Antara kelengkapan elektrik yang terlibat dalam Program SAVE 3.0 itu adalah penyaman udara, peti sejuk, periuk nasi, ketuhar gelombang mikro, televisyen dan mesin basuh.
- (iii) Memastikan suis ditutup apabila tidak digunakan bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

- (iv) Menggunakan peralatan elektrik dengan lebih efisien, contohnya menetapkan suhu penyaman udara pada 24°C – 26°C dan melaksanakan penyelenggaraan terhadap peralatan elektrik secara berkala.

Pengguna juga boleh menganggarkan kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui portal www.myelectricitybill.my. Pengguna boleh memasukkan unjuran harga arang batu dan gas serta kadar tukaran wang asing (*forecast fuel price & forex*) untuk membuat anggaran kos ICPT pada tempoh pelarasan tarif akan datang.

- TAMAT -

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Zairulliaty Mali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/013 2183778 (Zairulliaty)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/zairulliaty@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.